

12.4.4 Kesan Penamatkan sekiranya perjanjian ditamatkan di bawah klausu 51.1(b)<sup>4</sup>  
Syarat-syarat Kontrak P.W.D 203/203A (Rev. 2007) seperti berikut:

(a) Kontraktor hendaklah :

- (i) Dengan serta merta memberhentikan semua aktiviti
- (ii) Mengambil langkah-langkah untuk melindungi tapak bina, Kerja-kerja yang telah disiapkan, peralatan, barang-barang, bahan-bahan daripada sebarang kesusutan, kerugian atau kerosakan dan melaksanakan kerja-kerja yang sepatutnya supaya tapak bina berada di dalam keadaan bersih dan kemas;
- (iii) Mengeluarkan kakitangan dan pekerja dari tapak bina;
- (iv) Mengosongkan tapak bina di dalam tempoh yang dinyatakan oleh P.P., mengeluarkan semua bangunan sementara, loji, alat, perkakas, barang-barang dan bahan tak pasang yang belum di bayar oleh kerajaan seperti yang ditentukan oleh P.P.. Jika Kontraktor gagal, kerajaan boleh (tetapi tidak bertanggungjawab ke atas apa jua kerugian atau kerosakan) mengeluarkan dan menjual mana-mana harta kepunyaan kontraktor, menyimpan hasil jualan itu selepas ditolak segala kos yang terlibat sebagai kredit kepada kontraktor;

(b) Kontraktor juga boleh sama ada :

- (i) Menamatkan semua kontrak dengan pihak ketiga yang terlibat dengan kontrak ini atau;
- (ii) Menyerahhak kepada Kerajaan jika dikehendaki oleh P.P. tanpa kos dan perbelanjaan kepada kerajaan, faedah yang diperolehi daripada sebarang perjanjian untuk membekal bahan-bahan atau barang-barang dan/atau pelaksanaan mana-mana kerja atau perkhidmatan untuk tujuan kontrak ini atau;

---

<sup>4</sup> P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Termination (Default Of Obligation)